

D.R. 16/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Audit 1957.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

- 1. (1)** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Audit (Pindaan) 2024.
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 5

2. Akta Audit 1957 [Akta 62], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 5 —

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) the accounts of—

- (i) any other body, including a company registered under the Companies Act 2016 [Act 777], in receipt of a grant or loan from the Federation or a State;
- (ii) a company registered under the Companies Act 2016, where more than half of paid-up share capital of the company is held by the Federation, a State or a public authority or is so held in the aggregate by two or more of them;
- (iii) any other body, including a company registered under the Companies Act 2016, in receipt of financial guarantee given by the Federation or a State; and
- (iv) any other body, including a company registered under the Companies Act 2016, in receipt of public moneys if the Minister of Finance is satisfied that the public interest urgently requires that the accounts of any such body shall be examined, inquired into and audited by the Auditor General:

Provided that the Yang di-Pertuan Agong so specifies by order under Clause (2) of Article 106 of the Federal Constitution and notwithstanding any law relating to the audit of the accounts of any such body;”;

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “,(c) and (d)” dengan perkataan “and (c) and subparagraphs (1)(d)(i), (ii) and (iii)”;
- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “in accordance with” perkataan “subparagraph (1)(d)(iv) and”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) For the purposes of subparagraph (1)(d)(iii), “financial guarantee” shall have the same meaning assigned to it in the Public Finance and Fiscal Responsibility Act 2023 [Act 850].”.

Seksyen baharu 7A

- 3.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

“Power to issue guideline

7A. The Auditor General may issue any guideline as may be necessary or expedient for the purpose of carrying out the provisions of this Act.”.

Pindaan seksyen 9

- 4.** Subseksyen 9(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “the head of that public authority” perkataan “, and the Auditor General may make any recommendation to address such irregularities”.

Seksyen baharu 9A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

“Follow-up audit

9A. (1) The Auditor General may conduct a follow-up audit to review the action taken by the Federation, a State, a public authority or specified body on any recommendation, comment or observation made by the Auditor General in the audit report under section 9.

(2) The Auditor General may at any time submit a report on the follow-up audit conducted under subsection (1) to the Yang di-Pertuan Agong, and may submit a copy of such report to the Ruler or Yang di-Pertua Negeri of a State or to a Minister.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Audit 1957 (“Akta 62”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 62 untuk meluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777], yang menerima jaminan kewangan yang diberikan oleh Persekutuan atau Negeri.

Fasal ini juga bertujuan untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016, yang menerima wang awam jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam menghendaki akaun itu diperiksa, disiasat dan diaudit dengan segera oleh Ketua Audit Negara. Pindaan yang dicadangkan adalah mengikut pendekatan “audit mengikut wang awam” yang membolehkan Ketua Audit Negara mengesan jejak wang awam.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A ke dalam Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan sebagaimana perlu atau suai manfaat bagi maksud menjalankan peruntukan Akta 62.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(4) Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk membuat apa-apa syor untuk menangani apa-apa ketakteraturan yang serius yang telah berlaku dalam pengakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam di bawah pengauditannya.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 9A ke dalam Akta 62 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk menjalankan audit susulan untuk mengkaji semula tindakan yang telah diambil oleh Persekutuan, Negeri, pihak berkuasa awam atau badan yang ditentukan terhadap apa-apa syor, ulasan atau pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam laporan audit. Seksyen baharu 9A juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa mengemukakan laporan mengenai audit susulan kepada Yang di-Pertuan Agong, dan boleh mengemukakan salinan laporan sedemikian kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri atau kepada Menteri.
7. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2116]